

Pola Fonologi Kata Pinjaman dari Bahasa Melayu dalam Bahasa Lanoh

The Phonological Patterns of the Malay Loanwords in Lanoh Language

SA'ADIAH MA'ALIP* & CHONG SHIN

ABSTRAK

*Bahasa Lanoh merupakan salah satu bahasa dalam kelompok bahasa Aslian Tengah dan mengandungi variasi seperti Lanoh Semnam, Sungai Air Karah, Jengjeng dan Yir. Di antaranya, bahasa Jengjeng dan Yir telah pupus, manakala bahasa Lanoh Sungai Air Karah dan Semnam masih dipertuturkan. Tinjauan kosa ilmu mendapati bahawa bahasa Lanoh Semnam telah dideskripsi secara tuntas, baik dari aspek fonetik mahupun fonologi kata pinjaman. Bahasa ini didapati memiliki ciri fonologi kata pinjaman dari bahasa Melayu yang mirip dengan bahasa Temiar dari kelompok Aslian Tengah. Oleh kerana bahasa Lanoh di Sungai Air Karah belum ada kajian yang menjurus, dan pola fonologi kata pinjamannya agak bervariasi, kajian ini berfokus pada meninjau ciri fonologi kata pinjaman dari BM. Bertitik tolak dari permasalahan ini, sebanyak 450 patah kata Lanoh telah dikumpulkan melalui teknik temubual berstruktur, dengan daftar kata Swadesh yang diperkembangkan. Hasil saringan data mendapati bahawa terdapat sebanyak 51 patah kata pinjaman dari BM dan 3 patah kata yang bersamaan dengan bahasa di Borneo Barat. Kajian ini menggunakan Benjamin (2022) sebagai kerangka kajian dan hasil analisis mendapati bahawa bahasa Lanoh Sungai Air Karah menunjukkan variasi tersendiri dengan memiliki pola peminjaman seperti rhotik *r* direalisasi sebagai [y] pada posisi awal dan tengah kata, manakala sebagai [ʔ] pada akhir kata; BM /-t/ dan /-h/ direalisasikan sebagai [ʔ]; realisasi vokal berlaku selepas peminjaman; BM /-l/ sebagai /-h/ jika status diftong (-ua-) berbentuk *V*; peleburan dan pemenggalan segmental; dan, pengekalan bunyi sekatan konsonantal nasal akhir. Hasil kajian ini mencerminkan BM memperkayakan bahasa Lanoh dan berjaya menambahkan korpus kajian bahasa Orang Asli.*

Kata Kunci: bahasa Lanoh; bahasa Temiar; bahasa Melayu; Kata Pinjaman; Pola fonologi

ABSTRACT

*The Lanoh language, part of the Central Aslian family, includes variations like Lanoh Semnam, Sungai Air Karah, Jengjeng, and Yir. While most have become extinct, the Sungai Air Karah and Semnam varieties are still spoken. The Semnam variety has been extensively studied, particularly its phonological features and Malay loanwords, showing similarities with the Temiar language, another Central Aslian language. In contrast, research on Malay loanwords on Lanoh Sungai Air Karah is limited. This study aims to describe the phonological characteristics of Malay loanwords in this variation. A total of 450 Lanoh words were collected using structured interviews and an expanded Swadesh wordlist. Of these, 51 words were identified as Malay loanwords, with some showing similarities to western Borneo languages. Using Benjamin's (2022) classification of Malay loanwords in Temiar as a framework, the findings reveal shared phonological features between Lanoh and Temiar. Additionally, the Lanoh language exhibits distinct borrowing patterns that set it apart from Temiar. These patterns include the realization of the rhotic *r* as [y] in the initial and medial word positions, and as [ʔ] in the final position; the realization of BM /-t/ and /-h/ as [ʔ]; various vowel realizations; the realization of BM /-l/ as /-h/ when the diphthong is a diphthongal single vowel (*V*), i.e., -ua-; segmental coalescence and truncation; and the preservation of the preploded nasal feature. The findings of this study highlighted the Malay enriched the vocabulary of Lanoh and contribute to the corpus of Aslian languages studies.*

Keywords: Lanoh; Temiar; Malay; Loanwords; Phonological patterns

PENGENALAN

Masyarakat orang Asli menuturkan bahasa yang dikelompokkan di bawah kelompok bahasa-bahasa Austroasiatik dan Austronesia. Bahasa Negrito dan Senoi dalam keluarga Austrosiatik manakala Melayu Proto dalam keluarga Austronesia. Fazal Mohamed Mohamed & Siti Nur Balqis (2023) dalam makalah mereka menyatakan bahawa bahasa Orang Asli di Malaysia terdiri daripada 18 bahasa. Walaupun begitu, kajian yang dibuat ini tertumpu kepada bahasa Lanoh kerana populasi suku kaum ini hanya sebanyak 359 orang sahaja (jako.gov.my). Keberadaan sesebuah suku etnik di lingkungan multilingual berupaya mendorong kepada peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa mereka. Apabila berkontak dengan bahasa lain, peminjaman bahasa berlaku dengan menyaksikan kosa kata ataupun morfem bahasa lain diserap masuk ke dalam leksikon bahasa sasaran (Fromkin & Hyams (2007). Sesungguhnya, situasi peminjaman bahasa merupakan satu perkara yang biasa dan lazim berlaku (Sakinah & Sharifah (2018). Fenomena ini tidak terkecuali berlaku pada bahasa-bahasa orang Asli, yang sering dianggap sebagai “masyarakat yang sebahagian besar masih mendiami kawasan pedalaman dan terisolasi dari aspek sosio-budaya” (Paiz & Mohd Anuar 2020). Jejak sesuatu bahasa melakukan peminjaman bahasa mudah dikesani kerana setiap bahasa mempunyai sistem tatabahasa dan fonologi yang tersendiri. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu, kata-kata pinjaman dari bahasa Hokkien, Kantonis dan sebagainya boleh dicam dengan mudah kerana sistem fonologi bahasa tersebut tidak bertepatan dengan sistem fonologi kata asli bahasa Melayu (Zaharani 2004). Dalam bahasa Lanoh yang dikaji dalam makalah ini, bahasa ini juga dikesani mengandungi sejumlah kata pinjaman dari bahasa Melayu (selanjutnya, BM). Kosa kata-kosa kata pinjaman ini walaupun menunjukkan kelainan fonologi, namun dengan keupayaan mental leksikon penutur atau pengguna bahasa Melayu, kata-kata ini masih dapat ditafsirkan sebagai kata pinjaman dari BM. Selain itu, pentafsiran turut boleh dilakukan melalui kajian linguistik, sama ada melalui kaedah menganalisis perubahan fonologi ataupun menjejaki leksem asal, sebelum digantikan oleh kata pinjaman. Sebagai contoh, kebanyakan bahasa Orang Asli mempunyai leksem *batu(u)ʔ* ‘batu’ yang jelas merupakan pinjaman dari BM kerana leksem asal bahasa Orang Asli untuk *batu* ialah *təmɔʔ* atau *temuʔ* (Phillips (2013). Antara faktor yang menyebabkan berlakunya peminjaman ialah kerana kedominan BM dan hasil interaksi sosial antara orang Asli dengan penutur BM. Makalah ini akan menggunakan data bahasa Lanoh untuk menganalisis strategi adaptasi fonologi kata BM dalam bahasa Lanoh, dengan objektif mendeskripsikan pola-pola fonologi yang berlaku dalam proses peminjaman.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian terhadap bahasa masyarakat Orang Asli Lanoh dibuat kerana masih terdapat beberapa bahasa di dunia yang kurang diberi perhatian dan tidak dibincangkan dengan lebih menyeluruh permasalahan linguistik yang berlaku dalam bahasa tersebut (Muhammad Zawawie & Sharifah Raihan, 2022). Secara keseluruhannya, tinjauan kosa ilmu mendapati bahawa kajian linguistik terhadap bahasa Lanoh sangat terbatas. Dalam tradisi pengkajian bahasa Orang Asli, bahasa Lanoh lazimnya disentuh seimbis lalu dan sebagai data sokongan kepada pengkajian bahasa Orang Asli lain. Contohnya dalam kajian awal Benjamin (1976a), “bahasa Lanoh” banyak disebut dalam makalah yang bertujuan untuk mengelompokkan bahasa Austro-asiatik di Semenanjung. Dalam sebuah makalah terbaru beliau (Benjamin 2022) yang menghuraikan tatabahasa Temiar, bahasa Lanoh terangkum dalam perbincangan, terutamanya dari segi menjelaskan bahasa Temiar

berkerabat dengan bahasa Lanoh dan dari aspek sosiolinguistik bahasa Temiar sebagai bahasa *lingua franca* lokal. Dalam kajian Phillips (2012) yang bertujuan merekonstruksi bahasa Aslian Proto turut menggunakan beberapa data bahasa Lanoh yang dipetik dari sumber sekunder lain.

Bagi tulisan yang menjurus kepada kajian bahasa Lanoh, Burenhult & Wegener (2009), pernah menyajikan makalah yang mendeskripsikan salah satu variasi Lanoh, iaitu Semnam di kawasan Air Bah. Semakan ke atas data Lanoh dari Kampung Sungai Air Karah, Lenggong mendapati bahawa wujud perbezaan antara kedua-dua variasi Lanoh ini. Ini menunjukkan bahawa terdapat variasi lain berhubung dengan bahasa Orang Asli Lanoh yang belum dikaji secara tuntas. Justeru kerana kekurangan kajian terhadap bahasa Lanoh, banyak aspek linguistik Lanoh turut diabaikan. Salah satu daripadanya ialah aspek kosa kata pinjaman dari BM. Dalam hal ini, kajian Burenhult & Wegener (2009) mengatakan bahawa konsonan /ʁ/ dan /r/ merupakan konsonan yang hanya hadir pada kata pinjaman. Ini ternyata berbeza dengan variasi Lanoh di Kampung Sungai Air Karah di mana [y] merupakan realisasi dari rhotik *r* dalam bahasa Melayu. Begitu juga dengan kata pinjaman yang berakhir dengan bunyi nasal, beberapa kata pinjaman dari BM menunjukkan bentuk homorganik hentian. Dalam variasi Lanoh yang dikaji, terdapat kata yang berakhir dengan nasal mengalami sekatan konsonan tak bersuara dan bersuara. Sesungguhnya, berdasarkan perbandingan seimbis lalu antara kedua-dua variasi Lanoh, ternyata variasi Lanoh Sungai Air Karah menyerlahkan ciri fonologi peminjaman yang tersendiri dan satu pembahasan yang tuntas perlu dilakukan kepada aspek ini.

Menurut Benjamin (1976b, 2022), dalam bahasa Temiar (menduduki cabang bahasa Aslian Tengah yang sama bahasa Lanoh), kata pinjaman dari BM kadangkala dibentuk semula untuk menunjukkan bahawa ia adalah kata pinjaman dan terdapat juga kata yang telah lama mengalami perubahan fonologi dan semantik sehingga tidak dikenali lagi oleh penutur BM. Bagaimana dengan bahasa Lanoh yang turut mengandungi banyak kata pinjaman dari BM? Adakah bahasa Lanoh yang dikaji turut memperlihatkan ciri yang sama? Tambahan lagi, bahasa Lanoh dituturkan dalam lingkungan yang berbahasa Temiar sebagai *lingua franca* lokal, adakah kontak kedua-dua bahasa ini menghasilkan pola perubahan fonologi yang sejajar? Kajian ini akan menjawab persoalan ini bagi mencapai objektif mendeskripsikan pola-pola fonologi yang berlaku pada kata-kata Melayu yang dipinjamkan ke dalam variasi bahasa Lanoh Kampung Air Sungai Karah.

TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Memandangkan belum ada kosa ilmu kajian lepas tentang bahasa Lanoh yang dituturkan di Kampung Sungai Air Karah, bahagian ini akan meninjau beberapa kajian lepas yang menyentuh tentang “bahasa Lanoh”. Tulisan Benjamin (1976a) merupakan makalah awal yang mengemukakan banyak rincian tentang suku Lanoh dan bahasa mereka. Tulisan tersebut mencatatkan terdapat tiga kelompok Lanoh, iaitu Semnam (tersebar di Sungai Air Bah, hulu Perak), Lanoh Yir (tersebar di Sungai Sarah, Hulu Perak) dan Lanoh Jengjeng (tersebar di Sungai Ringat, Grik Perak). Di antaranya, variasi Lanoh Yir berhubungan lebih dekat dengan Lanoh Jengjeng, daripada dengan variasi Lanoh Semnam. Menurut beliau, terdapat kadar peminjaman yang tinggi dalam kalangan kelompok bahasa Orang Asli, iaitu antara bahasa Jah Hut dengan Semai, Temiar dengan Semai, dan antara Temiar dengan Lanoh. Bahasa Lanoh yang termasuk dalam kelompok ini juga didapati mempunyai inovasi fonologi bersama dengan bahasa Temiar. Dari segi konteks sejarawi, beliau mengatakan bahawa atas tekanan dari suku Temiar dan Melayu, penutur Proto-Lanoh mula berpindah ke hulu Sungai Perak. Kenyataan ini jelas menunjukkan suku Lanoh selain

berhubungan sosial dengan suku Temiar, juga berhubungan dengan penutur Melayu yang kian berkembang. Hubungan ini seterusnya mendorong kepada pengaruh bahasa, terutamanya dari segi peminjaman bahasa.

Secara terperinci, daripada dua variasi Lanoh yang dikaji oleh Benjamin (1976a), iaitu Lanoh Yir dan Lanoh Jengjeng, didapati bahawa Lanoh Yir telah pupus dan satu lagi belum pasti status kelangsungannya. Dalam artikel revisi beliau, iaitu Benjamin (2022), bahasa Lanoh dilaporkan berada di ambang kepunahan kerana dominasi bahasa Temiar sebagai *lingua franca*, iaitu suku Lanoh menguasai bahasa Temiar sebagai bahasa kedua dan ketiga. Makalah beliau ini berfokus pada mendeskripsikan bahasa Temiar dengan sokongan data bahasa Lanoh. Ciri fonologi Lanoh yang dikupas seimbis lalu oleh beliau adalah: diatesis medial (*middle voice*) -a- merupakan ciri yang unik dan produktif dalam bahasa Temiar dan Lanoh; bahasa Lanoh tidak mengandungi afiks (-)n- jika dibandingkan dengan bahasa Temiar dan kewujudan infleksi (*inflection*) dalam bentuk infiksasi -a- dalam bahasa Lanoh sebagai penanda jamak. Berkenaan dengan kata pinjaman, daripada data leksikostatik yang dipersembahkan, kadar peratusan leksikal pinjaman dari BM dalam bahasa Lanoh didapati lebih tinggi daripada bahasa Temiar.

Jika menyoroti kajian Benjamin (1976b), bahasa Lanoh yang berhubungan dekat dengan bahasa Temiar tidak dibahaskan tetapi selepas artikel ini direvisi (iaitu Benjamin 2022), “Lanoh” telah dimuatkan sebagai tambahan untuk menerangkan situasi multilingual kawasan persebaran bahasa Asli Tengah dan aspek sosiolinguistik penuturnya serta aspek linguistik. Dari aspek sosiolinguistik, beliau menjelaskan bahawa bahasa Temiar merupakan bahasa *lingua franca* di kawasan persebaran Aslian yang dihuni oleh suku Jahai dan Mendriq di bahagian utara dan timur; Lanoh di bahagian barat; dan, Semai di bahagian selatan. Dalam berkomunikasi, bahasa Temiar, Jahai, Mendriq, Lanoh dan Semai adalah saling difahami. Dari sudut linguistik, meskipun bahasa-bahasa ini saling berkontak, setiap bahasa Orang Asli mempunyai perbezaan yang signifikan. Kajian beliau juga mengatakan bahawa infix pembentukan kata nama -n- sudah tidak wujud dalam kata Temiar *senma*² ‘(3) orang’ lagi tetapi dijumpai dalam bahasa Lanoh. Di bahagian yang menganalisis kata pinjaman, beliau telah berjaya merumuskan lima pola perubahan fonologi peminjaman dalam bahasa Temiar. Kerangka rumusan tersebut didapati sesuai dijadikan kerangka kajian makalah ini kerana kontinuum linguistik dan sosiolinguistiknya. Dengan membandingkan kata pinjaman Melayu dalam kajian Benjamin (2022) dengan data Lanoh yang dikumpulkan oleh penulis di Kampung Sungai Air Karah, tidak sukar untuk mengesani pola persamaan fonologi dalam kedua-dua bahasa ini. Antara ciri yang paling menonjol adalah: pengguguran -N pada akhir kata dan digantikan dengan bunyi hentian sekatan; penambahan hentian glotis pada akhir kata terbuka dan pemanjangan vokal akhir kata. Dalam hal ini, rumus fonologi pada kelas kata pinjaman dari BM berbeza dengan fonologi kata Temiar asli. Sorotan terhadap kajian Benjamin telah memberikan gambaran asas tentang fonologi pinjaman dalam bahasa Lanoh (lihat Jadual 1).

Kajian yang dilakukan oleh peneliti berikutnya, iaitu Burenhult & Wegener (2009) telah menyuluh lebih terang lagi bentuk ciri linguistik variasi Lanoh yang selama ini belum mendapatkan kajian yang intensif. Inventori fonem-fonem dan deskripsi variasi Lanoh-Semnam yang diketengahkan oleh kedua-dua pengkaji ini menunjukkan variasi bahasa ini mengandungi 20 fonem konsonan, dan di antaranya konsonan /ʋ/ dan /r/ merupakan konsonan yang hanya hadir pada kata pinjaman. Bagi kata pinjaman dari BM yang berakhir dengan bunyi nasal, beberapa kata menunjukkan nasal akhir ini wujud sebagai bentuk homorganik hentian, di mana /-N/ merupakan bentuk pada peringkat dalaman. Dari segi fonem vokal, bahasa Lanoh-Semnam mengandungi 32 fonem vokal dan terdapat perbezaan antara vokal panjang dan vokal pendek. Di antaranya, vokal panjang lebih kerap dijumpai daripada vokal pendek dan kedua-dua merupakan pasangan mininal

yang membezakan sesebuah kata. Begitu juga dengan vokal oral dan nasal. Di bahagian lain, penulis ini cuba membangunkan sistem ortografi untuk bahasa Semnam yang kompleks dari segi fonetik. Di akhir makalah, penulis ini telah melampirkan sebuah glosari yang memuatkan 1246 leksikal Semnam. Senarai kosa kata ini telah menyumbangkan kepada pengkajian selanjutnya, misalnya Timothy (2013) untuk merekonstruksi bahasa Orang Asli dan oleh Benjamin (2022) untuk merevisi makalah yang dihasilkan pada tahun 1976an.

Secara amnya, kepentingan pengkajian bahasa Lanoh bukan sahaja membantu pengkaji lebih memahami struktur linguistik bahasa Lanoh semata-mata, tetapi juga berupaya memahami linguistik sejarawi bahasa Aslian dan sejarah suku Aslian Negrito lain yang tinggal berhampiran dengan mereka. Dalam tulisan Benjamin (1989) yang menilai tentang pencapaian dan kelompangan pengkajian bahasa Aslian telah menegaskan kepentingan tersebut. Menurut beliau, sumber dialek dari Lanoh dan Sabum (variasi Lanoh) penting dari segi mengetahui sejarah suku Temiar dan rekonstruksi bahasa Proto-Aslian. Jika ditinjau dari sudut yang lebih luas, walaupun bidang linguistik berkembang pesat di Malaysia, namun kajian lapangan yang berkaitan dengan linguistik bahasa Aslian kebanyakan dikendalikan oleh sarjana dari luar negara (Benjamin 2012). Pada hakikatnya, tanpa mengambil kira sarjana dari negara manakah yang lebih giat meneliti bahasa Aslian, bahasa Lanoh tetap merupakan bahasa Aslian yang paling kurang dikaji. Selain ulasan-ulasan yang dibuat di awal seksyen ini, tulisan Dunn et al. (2011) yang menganalisis data leksikal 26 bahasa Aslian dalam keluarga bahasa Austroasiatik dengan kaedah pengiraan filogenetik (*computational phylogenetic*) turut mengakui terdapat permasalahan dari segi kekurangan sumber data yang berkaitan dengan variasi bahasa Lanoh. Ketika hendak membuat penentuan tipologi salasilah keluarga bahasa Aslian, aspek sejarawinya dan kadar perbezaan setiap variasi dalam setiap cabang Aslian, pasukan mereka berdepan dengan masalah menentikan sumber data Lanoh untuk pangkalan data mereka. Sebagai contoh, mereka dengan tidak beberapa pasti mengangap variasi Lanoh Kertei yang hanya diingati oleh beberapa orang penutur tua berkoresponden dengan variasi Lanoh Yir yang disebut dalam kajian Benjamin. Di samping itu, mereka juga berdepan dengan kesukaran untuk memperoleh sumber data Lanoh Jengjeng dan Sabum yang kini telah pupus.

Susulan dari kurangnya penelitian tentang bahasa Aslian Lanoh, skop linguistik yang membincangkan bahasa ini turut terbatas. Di antara aspek yang perlu dilengkapi ialah kata pinjaman dari bahasa Melayu. Kata pinjaman dari bahasa Melayu dalam bahasa Lanoh wajar dikaji kerana hubungan antara suku Lanoh dengan kaum Melayu bukan sahaja melalui interaksi sosial, juga dipaparkan melalui mitos lagenda suku Lanoh. Dalam kajian Roseman (2003), mitos tersebut menyatakan bahawa kedua-dua kelompok yang sebenarnya hidup berdampingan telah berpisah kerana peperangan di antara dua raja monyet. Dalam hal ini, suku Lanoh terpaksa berlari ke bahagian hulu Sungai Perak manakala kaum Melayu ke bahagian hilir sungai. Daripada tinjauan kepustakaan yang telah dibuat, sesungguhnya aspek kata pinjaman Melayu dalam bahasa Lanoh mempunyai kelompangan yang perlu dilengkapi. Pengkaji-pengkaji lepas didapati bahawa hanya menyentuh kata pinjaman Lanoh secara seimbab lalu ketika membahaskan kata pinjaman variasi bahasa Aslian Tengah yang lain (terutamanya bahasa Temiar). Walaupun kajian Burenhult & Wegener (2009) ada membincangkan kata pinjaman bagi variasi Lanoh-Semnam, namun makalah mereka lebih tertumpu kepada deskripsi aspek fonem vokal dan konsonan. Bahagian yang membincangkan peminjaman kata sangat terbatas. Secara rumusan, dalam kalangan variasi bahasa Aslian Tengah, wujud ketidakseimbangan dari segi kajian peminjaman kata dari bahasa Melayu. Salah satu bahasa dalam cabang tersebut, iaitu bahasa Temiar didapati telah dikaji secara tuntas, manakala bahasa Lanoh sangat kurang dikaji. Dalam kalangan variasi Lanoh sendiri, didapati

bahawa aspek kata pinjaman dalam variasi Lanoh-Semnam pernah dikaji manakala belum ada kajian dilakukan ke atas variasi Lanoh di Sungai Air Karah.

PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kerangka Benjamin (2022) yang mengklasifikasikan ciri-ciri fonologi kata pinjaman BM dalam bahasa Temiar (Jadual 1). Kerangka ini bersesuaian kerana bahasa Temiar dan bahasa Lanoh merupakan bahasa dalam kelompok Bahasa Aslian Tengah. Kedua-dua bahasa ini mempunyai hubungan kekerabatan, walaupun menyerlahkan perbezaan linguistik. Dari sudut sosiolinguistik, bahasa Temiar juga dikuasai oleh kelompok masyarakat orang Asli Lanoh. Tambahan lagi, pengembangan BM turut menyaksikan orang Asli Temiar mampu bertutur dalam BM (Benjamin 2022). Begitu juga dengan masyarakat Lanoh yang dikaji. Berdasarkan Jadual 1 berikut, Benjamin (2022) telah berjaya memaparkan secara terperinci ciri fonologi kata pinjaman BM dalam bahasa Temiar. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, bahasa Temiar merupakan bahasa lingua franca di kawasan pertuturan bahasa Lanoh. Setelah menyemak data Burenhult & Wegener (2009) tentang ciri fonologi kata pinjaman BM dalam variasi Lanoh-Semnam, didapati bahawa terdapat banyak persamaan fonologi kata pinjaman BM di antara bahasa Temiar dengan bahasa Lanoh-Semnam. Dalam erti kata lain, walaupun berbeza dari segi kelompok bahasa, kedua-dua bahasa ini memaparkan kadar persamaan yang tinggi dari aspek fonologi kata pinjaman BM. Melalui semakan ke atas data bahasa Lanoh dari Kampung Air Sungai Karah, bahasa ini turut didapati berkongsi ciri persamaan tertentu dari segi fonologi kata pinjaman BM. Jadi dapat disimpulkan bahawa aspek fonologi kata pinjaman Temiar – Lanoh Semnam – Lanoh Air Karah mempunyai hubungkait antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, kerangka Benjamin (2022) sesuai diterapkan untuk menganalisis lebih lanjut data Lanoh yang dikumpulkan Lanoh dari Kampung Sungai Air Karah.

JADUAL 1. Fonologi kata pinjaman dalam Temiar yang disesuaikan dari Benjamin (2022)

	Penghuraian	Contoh
Jenis 1	Nasal akhir kata akan berubah menjadi bunyi homorganik hentian tidak bersuara	BM <i>kirim</i> , Temiar <i>kirip</i> ; BM <i>bidan</i> , Temiar <i>bidat</i> ; BM <i>kucing</i> , Temiar <i>kucik</i>
Jenis 2	Konsonan awal suku kata awal BM akan bertukar kepada bunyi hentian bersuara apabila posisi akhir suku kata tersebut terdiri daripada bunyi nasal.	BM <i>Kinta</i> ‘sungai Kinta’, Temiar <i>Gentaa</i> ² ; BM <i>angka</i> , Temiar <i>danjaa</i> ²
Jenis 3	Bunyi hentian akhir tidak bersuara akan menjadi bunyi bersuara	BM <i>ubat</i> , Temiar <i>²ubad</i> ; BM <i>perak</i> , Temiar <i>perag</i>
Jenis 4	Pengguguran komponen hentian bersuara pada gugusan nasal yang wujud pada posisi tengah kata.	BM <i>pangaj</i> , Temiar <i>panak</i> ; BM <i>tunggu</i> , Temiar <i>tunuu</i> ²
Jenis 5	Kata pinjaman yang mengalami perubahan fonologi seperti di “Jenis 1”, tetapi mempunyai sejarah peminjaman yang lebih lama daripada kata-kata lain (perubahan semantik berlaku).	BM <i>bisiy</i> , Temiar <i>bisik</i> ; BM <i>naga</i> , Temiar <i>dangaa</i> ² ; BM <i>pəndiy</i> , Temiar <i>panik</i>

METODOLOGI KAJIAN

Bertitik tolak dari permasalahan tersebut, berpandukan daftar kata Swadesh yang dikembangkan, sebanyak 450 patah kata Lanoh dapat dikumpulkan melalui teknik temubual berstruktur dalam kajian yang telah dijalankan. Dari segi teknik temu bual, pengkaji bersuai kenal dengan informan terlebih dahulu, kemudian bertanya tentang latar belakang suku etnik mereka. Ini penting kerana di Kampung Sungai Air Karah, terdapat penduduk Lanoh yang berketurunan campuran Lanoh-Temiar ataupun suku Temiar yang tinggal di situ. Bagi memastikan kejituan data yang diperoleh, kategori informan ini akan dikecualikan daripada ditemubual. Setelah mengenalpasti informan yang representatif, pengkaji akan memaklumkan kepada mereka tentang tujuan kajian ini dan meminta mereka memberi maklumbalas terhadap pertanyaan yang diajukan dengan nada suara yang jelas dan spontan. Di dalam senarai kata Swadesh yang digunakan sebagai panduan, leksikon disusun mengikut medan semantik, contohnya kelompok kata yang menunjukkan anggota badan, pergerakan, fenomena alam, flora, fauna dan sebagainya.

Semasa mengumpul kosa kata dari informan, pengkaji menggunakan teknik “pengungkapan”, iaitu tidak menyebut kosa kata satu persatu dalam BM dan meminta mereka menterjemahkannya. Sebaliknya, pengkaji mengungkapkannya dengan gestur badan ketika hendak memperoleh sebutan untuk kata-kata konkrit. Sebagai contoh, pengkaji akan menunjukkan kepada bahagian telinga, mulut, hidung dan sebagainya dan kemudian meminta informan menyebutnya dalam bahasa Lanoh. Bagi kata-kata yang bersifat konseptual, pengkaji akan membina ayat dan meminta informan melafazkan ayat tersebut dalam bahasa Lanoh. Cara ini dapat mengurangkan pengaruh BM ke atas kata konseptual yang dikehendaki dan juga mengelakkan mereka daripada membuat modifikasi ataupun hiperkoreksi. Sebutan informan yang dalam bahasa Lanoh kemudian dicatatkan dengan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA). Semasa sesi wawancara, rakaman juga dibuat untuk tujuan penyemakan data. Daripada set data yang dikumpulkan, pengkaji akan membuat semakan dan saringan untuk mendapatkan kosa kata pinjaman dari BM. Kata-kata ini kemudian diberi kod *KP1*, *KP2*....*KPx* untuk memudahkan rujukan. Hasil saringan mendapati bahawa terdapat 51 kata pinjaman Melayu dalam bahasa Lanoh; 2 kata bersamaan dengan bahasa Bidayuhik di Borneo Barat dan sepatah kata bersamaan dengan bahasa Iban.

ANALISIS DATA

Daripada data kata pinjaman BM dalam bahasa Lanoh yang dikumpulkan, pola fonologi kata pinjaman BM dalam bahasa Lanoh dapat dikelaskan kepada enam kategori.

a) Peminjaman Kata Tulen Asimilasi

Menurut Any Rozita (2023), kategori kata pinjaman tulen asimilasi adalah kategori kata pinjaman yang paling mudah untuk dikenal pasti kerana tiada sebarang bentuk perubahan yang berlaku ketika meminjam dari bahasa sumbernya. Dalam bahasa Lanoh, kata-kata pinjaman yang menepati pola ini adalah seperti dalam Jadual 2 berikut. Namun demikian, bagi *KP5* iaitu [k^hre:m] ‘Otot kaki kejang’, sumber asal kata ini adalah dari bahasa Inggeris *cramp* yang dipinjam masuk ke dalam BM sebelum diserap ke dalam bahasa Lanoh. Semakan dalam talian (dengan frasa “kaki krem”) mendapati kata ini digunakan secara kolokial, contohnya, “*selalunya gejala krem kaki atau simpul*

biawak ini kerap menyerang pada bahagian betis” (Sumber: <https://my.theasianparent.com/cara-hilangkan-cramp-kaki>). Hasil carian juga menunjukkan *krem* digunakan secara bersilih ganti dengan *kaki kejang* dan *cramp*. Mungkin kerana bukan peminjaman langsung dari BM, dari segi fonologi, *r* tidak mengalami perubahan kepada [y] seperti pola fonologi yang ditunjukkan dalam Jadual 4 (KP17, KP18, KP19). Dalam bahasa Temiar, kata untuk otot kejang adalah /sajjwãʔ/ (Benjamin 2022).

JADUAL 2. Peminjaman kata tulen asimilasi dari BM

KOD	Kata Pinjaman	Erti/BM
KP1	pətay	Petai
KP2	tulat	Tulat
KP3	luas	Lebar
KP4	bəli	Membeli
KP5	kʰre:m	Otot kejang

b) Pemanjangan Vokal Akhir, Penambahan Hentian Glotis

Menurut Phillips (2013), bahasa Aslian Proto (PAs) mengandungi vokal panjang dan vokal pendek, iaitu PAs *i/*ii, *e/*ee, *ɛ/*εε, *u/*uu, *i/*ii, *a/*aa, *u/*uuu, *o/*oo dan *ɔ/*ɔɔ. Dalam kalangan bahasa Orang Asli, hanya kelompok Bahasa Asli Tengah yang masih meretensikan ciri ini dan memaparkan secara jelas perbezaan antara vokal panjang dan vokal pendek. Justeru terdapat retensi vokal panjang dari PAs, didapati bahawa vokal pada suku kata akhir terbuka yang dipinjamkan dari BM turut mengalami pemanjangan vokal. Ciri ini akan disertakan dengan bunyi hentian glotis. Dalam erti kata lain, bagi kata BM yang berbentuk suku kata akhir terbuka akan menjadi suku kata akhir tertutup apabila wujud sebagai kata “Lanoh”. Daripada data yang dikumpulkan (KP6 hingga KP13), didapati bahawa bentuk leksikal Melayu masih dikekalkan walaupun terdapat perubahan fonologi seperti yang dinyatakan di atas.

JADUAL 3. Ciri pemanjangan vokal dan penambahan hentian glotis

KOD	Kata Pinjaman	Erti/BM
KP6	dada:ʔ	Dada
KP7	tapa:ʔ	Bertanya
KP8	taŋa:ʔ	Tangga
KP9	naŋka:ʔ	Nangka
KP10	bisa:ʔ	Racun ular
KP11	tiga:ʔ	Tiga
KP12	pintu:ʔ	Pintu
KP13	batu:ʔ	Batu

c) Kepelbagaian Bentuk Fonologi Kata Pinjaman

Frasa “perubahan fonologi yang rencam” di sini merujuk kepada kepelbagaian proses fonologi kompleks yang dikesani dalam leksikal pinjaman. Selain menyaksikan ciri pemanjangan vokal pada KP14, KP15, KP16, terdapat aspek lain yang wajar dibahas. Dalam PAs, refleks *r sebagai /y/ (Phillips (2013) didapati mempengaruhi kata sumber yang mempunyai bunyi rhotik dan akan disebut dengan [y] oleh penutur Lanoh (KP17, KP18, KP19, KP25, KP26, KP49). Dalam data [pulow] dan [limow], didapati [-ow] sepadan dengan /-aw/ dalam BM. Sebenarnya, sukar untuk menentukan sumber asal [-ow], iaitu sama ada dari /-aw/ ataupun dari bahasa Temiar kerana bunyi ini juga terdapat dalam bahasa Temiar. Dengan status bahasa Temiar sebagai *lingua franca*

di sekitar kawasan pertuturan Lanoh, adakah bahasa Lanoh menerima pengaruh dari bahasa Temiar, dakwaan ini perlu ada kajian susulan pada masa depan. Ciri fonologi ini mungkin bukan pengaruh dari dialek Melayu Perak kerana menurut data dalam Zaharani (1993), “terdapat pengguguran /w/ pada posisi akhir kata (iaitu /w/ → Ø / _#)”, contohnya /pulaw/ → [pula], /limaw/ → [lima] dan sebagainya.

JADUAL 4. Kehadiran vokal panjang; /r/ > [y] dan /-aw/ > [-ow]

KOD	Kata Pinjaman	Erti/BM
KP14	kupi:ʔt	Kunyit
KP15	tətəŋko:k	Tengkuk
KP16	tano:k	Tanduk
KP17	yumput	Rumput
KP18	yajiʔn	Rajin
KP19	yakit	Rakit/perahu
KP20	pulow	Pulau
KP21	limow	Limau

Terdapat sejumlah kata pinjaman yang menyaksikan asimilasi dengan fonologi kelompok Asli Tengah (dalam kes ini, kelompok Temiar – Lanoh – Semnam). Selain beberapa ciri fonologi yang diulas sebelum ini, terdapat lagi berbagai ragam fonologi yang lain. Dalam data *bekerja* (KP22), dan *malu* (KP23) di Jadual 5, didapati bahawa /ə/ dan /a/ (jika kita mengandaikan struktur dalaman ialah /kəyja/ dan /malu/) pada suku kata awal “direalisasikan” sebagai vokal depan tinggi [i]. Jika merujuk kepada bahasa Temiar, terdapat leksikal yang berstruktur Ki.KVK yang merupakan pinjaman langsung dari kata Melayu, dan /i/ adalah berstatus fonemik (Benjamin 2022). Namun dalam bahasa Lanoh, [i] yang hadir pada posisi suku kata awal dalam data KP22 dan KP23 merupakan realisasi dari /ə/ dan /a/.

Bagi kata Melayu yang bermula dengan /h-/ atau /Ø-/, bunyi kesepadanan yang wujud adalah [ʔ-]. Oleh kerana kesemua bahasa Orang Asli mempunyai onset konsonan (Benjamin 2022), sehubungan dengan itu, pengguguran /h/ dalam proses peminjaman menghasilkan realisasi bunyi [ʔ], contohnya [ʔayi:ʔ] dari kata *hari* dan [ʔabu:ʔ] dari kata *abu/debu/habuk*. Hujah ini boleh disahkan lagi dengan kewujudan [ʔ] pada kata sumber Melayu yang bermula dengan vokal, iaitu [ʔəmpat] (BM *empat*) dan [ʔusi:k] (BM *usik/main*).

JADUAL 5. Realisasi /ə/ atau /a/ → [i], dan /h-/ atau /Ø-/ → [ʔ-]

KOD	Kata Pinjaman	Erti/BM
KP22	kiʔja:ʔ	Bekerja
KP23	miluʔ	Malu
KP25	səyaʔ	Serai
KP26	ʔayi:ʔ	Hari
KP27	ʔabu:ʔ	Abu/debu/habuk
KP28	ʔəmpat	Empat
KP29	ʔusi:k	Usik (bermain/mengusik)

Dalam BM, struktur asas suku kata asas terdiri daripada V, VK, KV dan KVK. Dalam kata pinjaman dalam bahasa Lanoh, sesetengah kata menyaksikan perubahan struktur suku kata dari KV.KVK menjadi KV.(V)K (contohnya [pə:.əʔ], [jə:.i:ʔ] dan [bo:.kŋ] ataupun KVK (contohnya [ta:k], [ti:l] dan [si:ʔ]). Bagi KV.KVK → KV.(V)K, terjadi proses pengguguran konsonan awal suku kata kata dan peleburan vokal. Bagi KV.KVK → KVK, proses fonologi yang berlaku adalah kata pinjaman mengalami pemenggalan suku kata awal. Lihat Jadual 6 berikut:

JADUAL 6. Perubahan KV.KVK → KV.(V)K / KVK, /-h/, rhotik > [-ʔ] dan /l/ > [h]

KOD	Kata Pinjaman	Erti/BM
KP30	pə:ʔ	Perut
KP31	jo:i:ʔ	jahit
KP32	bo:kŋ	Bohong
KP33	ta:k	Otak
KP34	ti:l	Katil
KP35	si:yʔ	Daging
KP36	pasi:yʔ	Pasir
KP37	linta:ʔ	Lintah
KP38	ba ² a:ʔ	Bah (banjir)
KP39	buah	Bercapak/berbual

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5, rhotik dalam kata Melayu direalisasikan sebagai sebutan [y] pada posisi awal dan antara vokal dalam bahasa Lanoh. Dalam Jadual 6, terdapat sepatah kata, iaitu *pasir* menyaksikan rhotik pada akhir kata direalisasi sebagai [ʔ], iaitu [pasi:yʔ]. Gejala ini berlaku kerana rhotik pada akhir kata telah digugurkan. Jika merujuk kepada kajian Nor Hashimah (2015), variasi Melayu yang dituturkan oleh penutur Melayu di sekitar Lenggong menunjukkan rhotik akhir bagi kata *ular* dan *air* masing-masing wujud dalam bentuk [Ø], iaitu [ula]/[ulɔ] dan [ayo] dan [ayo]/[ayae]. Diramalkan bahawa rhotik pada kata *pasir* yang mengalami pengguguran mengakibatkan vokal mengikutinya mengalami pemanjangan. Proses fonologi ini menepati teori *moraik* Hayes (1969), iaitu terdapat penggantian bunyi yang digugurkan melalui cara pemanjangan vokal. Apabila sesesatu mora digugurkan pada peringkat segmental, kekosongan tersebut akan diisi melalui penyebaran vokal berhampiran dan output yang dihasilkan adalah vokal panjang. Oleh kerana penambahan bunyi hentian glotis merupakan salah satu ciri fonologi pinjaman dalam bahasa Lanoh (Jadual 2), maka vokal panjang terbuka kemudiannya akan mengalami penambahan bunyi hentian glotis.

Daripada Jadual 6, kata pinjaman BM dalam bahasa Lanoh juga menyaksikan penjelmaan /-h/ menjadi [-ʔ]. Contohnya /lintah/ → [lintaʔ] dan /bah/ → [ba²a:ʔ]. Penjelmaan ini sukar untuk diramalkan kerana polanya mirip dengan /-h/ → [-ʔ] dalam bahasa Austronesia dan bahasa Orang Asli dari rumpun Austronesia. Mungkin tidak relevan jika kita mengaitkan ciri fonologi bahasa Austro-asiatik dengan bahasa Austronesia. Namun semakan ke atas bahasa Duano (variasi bahasa Orang Asli keluarga bahasa Austronesia) mendapati bahawa terdapat fenomena yang menunjukkan Proto Melayik *-h > /-ʔ/, contohnya *tanah > tənəʔ ‘tanah’ dan *buah > buəʔ ‘buah’ (Seidlitz 2007). Sesungguhnya, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengesahkan ciri penjelmaan bunyi ini.

Ciri fonologi pada *bual* (‘berbual/bercapak’) dengan sebutan [buah] (KP39) turut menyerlahkan kerencaman. Apakah proses fonologi yang mengakibatkan /l/ direalisasi sebagai [h] sedangkan dalam /katil/, /l/ dikekalkan, iaitu [til:]. Kewujudan realisasi /-l/ menjadi [-h] mungkin ada kaitan dengan diftong -ua-. Jika merujuk kepada bahasa Temiar yang sekerabat dengan bahasa Lanoh, ciri fonotatik diftong Temiar selain wujud sebagai deretan KV (iaitu -wa-), kadang-kadang juga wujud sebagai gabungan dua vokal sebagai V (iaitu -ua-); lihat Benjamin (2022). Hujah ini sesuai diterapkan untuk menjelaskan mengapa wujud penjelmaan /-l/ > [-h] pada /bual/. Jika sebutan informan Lanoh didengar dengan teliti, sebutannya adalah [buah] dan bukannya [bwah]. Oleh kerana hanya menjumpai sepatah kata pinjaman dalam kajian lapangan ini, pembahasan perlu dilakukan dari sudut yang lebih luas. Jika merujuk kepada dialek Melayu Perak, kajian Zaharani (1991: 31) menunjukkan *bual* disebut sebagai [bua:], iaitu [l] tidak muncul pada peringkat luaran. Jika mengandaikan bahawa dialek Melayu Perak mempengaruhi realisasi ini, bagaimana adanya

sebutan [-h] dalam kata pinjaman ini? Dalam kajian Phillips (2013), tertera kata pinjaman Melayu dalam variasi Lanoh Semnam yang menunjukkan kehadiran /h/ pada kata yang berdifong V, iaitu /ua/ (contohnya BM gua → Semnam /g^uooh/). Jadi berdasarkan ciri fonotatik diftong, kata *bual* disebut sebagai [buah] dalam bahasa Lanoh kerana pengaruh daripada status diftongnya.

d) Dua Pola Fonologi Bunyi Sekatan Konsonantal Nasal Akhir

Dalam kelompok bahasa Aslian Utara, Aslian Tengah dan Aslian Selatan, ciri sekatan konsonantal amat lumrah dijumpai pada fonem nasal akhir /-m/, /-n/ dan /-ŋ/ (contohnya /-^bm/, /-^dn/, /-^gŋ/ dan bunyi ini merupakan inovasi dari PAs *-m, *-n dan *-ŋ (Phillips 2013). Ciri sekatan ini berasimilasi dengan kata yang dipinjam di luar rumpun bahasa Austro-asiatik—kata Melayu, BM. Dalam bahasa Lanoh yang dikaji, terdapat dua pola fonologi bunyi sekatan nasal akhir, iaitu:

Pola 1: Perubahan kepada bunyi hentian tak bersuara dan bersuara

Dalam bahas Temiar, pola perubahan fonologi yang berlaku pada bunyi sekatan ini ialah: ‘bunyi nasal akhir yang mengalami sekatan konsonan tak bersuara, kemudian akan digantikan dengan konsonan hentian tak bersuara’. Pola ini juga terdapat dalam variasi Lanoh Semnam (Burenhult & Wegener 2009) dan variasi Lanoh di Air Sungai Karah (lihat Jadual 7). Dalam Jadual 7, kata *kucing* (KP44) yang disebut sebagai [[?]uci:g] dalam bahasa Lanoh didapati merupakan kes perubahan fonologi yang dengan homorganik hentian akhir bersuara (perbincangan lanjut dibuat di bahagian Pola 2).

JADUAL 7. Perubahan fonologi bunyi sekatan konsonantal

KOD	Kata Pinjaman	Erti/BM
KP40	Bintak	Bintang
KP41	taja:p	Tajam
KP42	bija:k	Minyak
KP43	pipa:p	Pinjam
KP44	[?] uci:g	Kucing

Pola 2: Pengkalan Sekatan Konsonantal Nasal Akhir

Bersambung dengan /kucij/ [uci:g] yang sebaliknya menampilkan homorganik bunyi hentian bersuara, kehadiran contoh [caci:^gŋ] dalam Jadual 8 mengesahkan bahawa kata yang awal suku kata akhir bermula dengan /c/, dan diikuti vokal tinggi, akan mengalami sekatan konsonan hentian bersuara ketika diserap menjadi kata pinjaman. Jadual 8 juga menunjukkan bahawa konsonan sekatan pra-nasal masih terdapat dalam bahasa Lanoh dan secara umumnya, sekatan ini kebanyakannya melibatkan bunyi tidak bersuara, kecuali pada kata *cacing*.

JADUAL 8. Pengkalan bunyi sekatan konsonantal

KOD	Kata Pinjaman	Erti/BM
KP45	kuni: ^k ŋ	Kuning
KP46	tia: ^k ŋ	Tiang
KP47	dini: ^k ŋ	Dinding
KP48	tana: ^p m	Tanam
KP49	baya: ^k ŋ	Barang
KP50	uda: ^k ŋ	Udang
KP51	caci: ^g ŋ	Cacing

PERBINCANGAN

Daripada hasil analisis, dapat dirumuskan bahawa bentuk dan proses fonologi kata pinjaman BM dalam bahasa Lanoh adalah beragam. Bahasa Lanoh yang dianalisis menunjukkan pola-pola seperti dalam Jadual 9 berikut. Perlu diakui bahawa data yang ada pada penulis sangat terbatas. Jika terdapat data yang lebih luas, mungkin pola-pola lain yang dinyatakan dalam Benjamin (2022) dapat dikesani. Seseengah perbincangan penulis yang hanya berpandukan pada sepatah kata seterusnya dapat dilengkapi ataupun perlu direvisi semula oleh pengkaji pada masa akan datang.

JADUAL 9. Rumusan pola fonologi kata pinjaman

Pola	Penghuraian ringkas
Peminjaman penuh	Kata Melayu diserap langsung sebagai kosa kata Lanoh.
Perubahan fonologi khusus pada suku kata akhir. Realisasi fonologi	<p>Pemanjangan vokal pada suku kata akhir dan penambahan hentian glotis.</p> <ul style="list-style-type: none"> • (PAs *r > y): Rhotik BM direalisasi sebagai [y-], [-y-] manakala sebagai [-ʔ] pada akhir kata. • BM /-t/ dan /-h/ direalisasikan sebagai [-ʔ]. • Kepelembagaan realisasi pada vokal (cth /ə/ atau /a/ → [i]); diftong /aw/ → [ow]. • Kehadiran onset /ʔ-/. • BM /-l/ wujud sebagai /-h/ jika status diftong (-ua-) berbentuk V.
Peleburan dan pemenggalan suku kata	<ul style="list-style-type: none"> • KV.KVK menjadi KV.(V)K – Peleburan. • KV.KVK → KVK – Pemenggalan suku kata awal.
Sekatan konsonantal pra-nasal	<p>Pengaruhi ciri Aslian Tengah iaitu /-N/ mengalami sekatan konsonan bersuara dan tak bersuara.</p> <ul style="list-style-type: none"> • /-N/ berubah menjadi homorganik hentian tidak bersuara; • /-N/ berubah menjadi homorganik hentian bersuara.

Dalam makalah ini, bahasa Temiar dijadikan sumber perbandingan utama kerana kedua-dua bahasa ini tergolong dalam kelompok bahasa Aslian Tengah. Dari aspek kata pinjaman, bahasa Temiar dan Lanoh masing-masing menonjolkan kebersamaan yang tinggi dari segi homorganik pada nasal akhir. Proses ini sejajar dengan perubahan fonologi kelompok Bahasa Aslian Tengah yang mengalami perkembangan lanjutan yang mengekalkan bunyi sekatan melalui pengguguran fonem nasal. Fenomena ini dinyatakan oleh Blust (1997) sebagai ciri yang “...passed through the stage in which they were preploded”. Namun demikian, terdapat juga kata pinjaman yang “belum sempurna” tahap perkembangannya dan proses fonologi ini sesuai digunakan untuk menerangkan status [-k] dan [-p] yang terdapat dalam kata pinjaman Melayu pada bahasa Lanoh dan bahasa Temiar. Dengan sifat bahasa yang dinamik (Wan Robiah & Chong 2023), amatlah sukar untuk meramalkan sama ada kategori kata pinjaman yang “belum sempurna” ini akan berkembang ke arah mengenapi proses akhir perubahan fonologi (iaitu homorganik bunyi hentian) ataupun ke arah penyeragaman dengan sebutan Melayu (iaitu konsonan sekatan dinyahkan) kerana bahasa Melayu baku sangat dominan dalam berbagai domain. Dari segi sosiolinguistik, kajian Chong (2012) telah menunjukkan ciri sekatan konsonantal dalam dialek Melayu Sekadau di Borneo Barat telah dinyahkan dalam sebutan golongan muda kerana faktor pengaruh bahasa Indonesia.

Daripada data yang dikumpulkan, diperhatikan sekurang-kurangnya tiga variasi Melayu yang mempengaruhi peminjaman dalam bahasa Lanoh, iaitu BM baku, dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Perak. Dengan merujuk kepada bahagian glosari tulisan Burenhult & Wegener (2009) tentang Lanoh Semnam, turut tertera banyak kata pinjaman dari BM. Hal ini membuktikan

bahawa bahasa (variasi) Melayu berperanan memperkayakan kosa kata masyarakat Lanoh yang berstatus bahasa minoriti. Sudah tentu, kosa kata yang diserapkan akan mengalami realisasi mengikut sistem bunyi bahasa mereka.

Dalam tulisan Adelaar (1995), bahasa Orang Asli dilaporkan menunjukkan persamaan dengan bahasa Dayak Darat (rumpun bahasa Austronesia, dinamakan sebagai bahasa Bidayuhik oleh Collins & Chong (2008)). Pertama, bahasa dari kelompok Aslian Tengah (terutamanya bahasa Temiar dan bahasa Semai) dan bahasa Bidayuhik mengandungi ciri bunyi sekatan nasal akhir dan kedua, terdapat persamaan pada leksikal *mandi* dan *mati*. Jadual yang ditampilkan dalam Adelaar (1995: 96) menunjukkan bahawa bahasa Che' Wong (Aslian Utara), Semnam-Sabum-Lanoh Jengieng-Lanoh Yir-Temiar-Semai I-Semai-II-Jah Hut (Aslian Tengah) dan Semaq Beri-Temoq (Aslian Selatan) memiliki persamaan leksikal *mandi* dengan bahasa Bidayuhik. Bagi kata *mati*, kesemua bahasa Orang Asli menunjukkan persamaan leksikal kecuali bahasa Bateg Deq (Aslian Utara) dan bahasa Semai I-Semai II (Aslian Tengah). Pada hakikatnya, sukar untuk menjawab mengapa wujud kebersamaan leksikal sedangkan kawasan pertuturan kedua-dua rumpun bahasa ini jauh dipisahkan oleh Lautan China Selatan. Berhubung dengan fenomena ini, Adelaar (1955) mengandaikan bahawa mungkin suatu ketika dahulu penutur bahasa Orang Asli di Borneo bertukar bahasa ke bahasa Bidayuhik dengan mengekalkan kedua-dua kosa kata ini ataupun terdapat satu bahasa (sudah pupus) yang suatu ketika dituturkan bersama, kemudian penutur di Borneo bertukar ke bahasa Bidayuhik manakala penutur di Semenanjung bertukar ke bahasa Orang Asli.

Dakwaan yang hipotetikal ini boleh dilengkapi dengan penemuan tambahan tiga kosa kata dalam bahasa Lanoh, iaitu [daya:h] 'darah', [manuk] 'ayam' dan [kama:h] 'kotor'. Ketiga-tiga kata ini juga terdapat dalam kosa kata bahasa Borneo di mana: kata *darah* dengan sebutan [daya:h] menyerupai kosa kata Bidayuhik; [manuk] bermaksud *burung* dalam bahasa Bidayuhik (Jagoi), bermaksud *ayam* dalam bahasa Iban; dan, [kamah] merupakan sebutan untuk *kotor* dalam bahasa Iban. Bagi [daya:h], meskipun [y] boleh didakwa merupakan realisasi dari /r/ dalam proses peminjaman (Jadual 4 dan Jadual 5), namun kajian Chong (2008) menunjukkan bahawa bunyi ini merupakan inovasi fosil dalam bahasa Bidayuhik, iaitu: *Bahasa Melayo Polinesia Purba (BMPP) *r > Bahasa Bidayuhik (BPP) *L > y* (di mana BPP *L merujuk kepada penyatuan bunyi BMPP *r dan *l). Contohnya inovasi fosil ini terdapat dalam semua variasi Bidayuhik yang dikaji, misalnya varian Mentuka' – [doya], Mongko' – [doyah], Tibiyak – [daya?], Benuk – [diya?], Biatah – [deya?], Singgai [doya?] dan sebagainya (hlm. 56). Dalam pada itu, pengekal [h] dalam Lanoh [daya:h] juga didapati menyimpang dari fonotatik pinjaman Lanoh, iaitu /-h/ > [-?] (KP37 dan KP38 dalam Jadual 6). Dalam erti kata lain, bentuk inovasi fonologinya mirip dengan inovasi fosil yang terdapat dalam bahasa Bidayuhik. Bagi /manuk/, leksikal ini jelas merupakan kata umum yang merujuk kepada "ayam" dalam bahasa-bahasa Austronesia di Borneo Barat, baik bahasa Melayik, Ibanik mahupun bahasa Bidayuhik (di mana berlaku perubahan semantik pada bahasa Bidayuhik). Kehadiran kata /manuk/ dalam bahasa rumpun Austro-asiatik bukan pengaruh dari bahasa Orang Asli Austronesia lain yang dituturkan di Semenanjung. Ini kerana berdasarkan semakan ke atas beberapa variasi Aslian Austronesia, didapati bahawa: *ayam* wujud dengan sebutan [ayum] dalam bahasa Duano (Nur Fathiha, Rohani & Noor Hasnoor 2021); [hayam] dalam bahasa Jakun (Rohani & Noor Hasnoor 2014) dan Temuan (Looi, Adela & Jalil 2018). Terakhir, kata *kotor* dengan sebutan [kama:h] turut memperlihatkan persamaan leksikal dengan bahasa Iban dan Ibanik di Kalimantan Barat dan Sarawak (Chong 2019; 2021).

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, kajian ini telah membahaskan secara terperinci pola fonologi kata Melayu yang dipinjama masuk ke dalam bahasa Lanoh di Lenggong, Perak. Hasil analisis menunjukkan bahawa ciri fonologi kata pinjaman adalah beragam dan banyak bersamaan dengan pola fonologi pinjaman dalam bahasa Temiar. Fenomena ini menunjukkan keamatan hubungan linguistik antara kedua-dua variasi Aslian Tengah ini. Contohnya, dari segi ciri pemanjangan vokal akhir kata, penambahan hentian glotis dan bunyi sekatan pra-nasal menjadi bunyi hentian homorganik dan sebagainya. Namun demikian, bahasa Lanoh tetap menunjukkan ciri fonologi tersendiri dari aspek kata pinjaman dan secara langsung menyerlahkan bahasa ini berbeza dengan bahasa Temiar. Hasil sampingan dari kajian ini juga menemukan tiga leksikal Lanoh yang di luar konteks ekologi bahasa di Semenanjung dan bermanfaat untuk membahaskan hipotesis Adelaar berhubung pernah wujud peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat purba Borneo-Semenanjung. Namun demikian, memandangkan kajian ini bertitik tolak dari perspektif deskriptif, disarankan pengkaji pada masa akan datang dapat membuat justifikasi ke atas perubahan-perubahan fonologi pada kata-kata pinjaman dari BM yang telah dikenalpasti. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini selain menyumbang kepada usaha pendokumentasian bahasa Lanoh yang terancam punah, juga memperkayakan korpus ilmiah linguistik bahasa Orang Asli.

PENGHARGAAN

- i. Pemberi dana geran penyelidikan ini iaitu Kementerian Pengajian Tinggi.
- ii. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)
(Kod: FRGS/1/2022/SSI09/UKM/02/23)
- iii. Para informan masyarakat Orang Asli Lanoh, Kampung Sungai Air Karah. Perak.

RUJUKAN

- Adelaar, K.A. (1995). Borneo as a cross-roads for comparative Austronesian linguistics. Dlm. Peter Bellwood, J. J. Fox & D. Tryon (Ed.). *The Austronesians: Historical and Comparative Perspective* (hlm. 81-98). Canberra: ANU E-Press.
- Any Rozita Abdul Mutalib. (2023). Penyesuaian ortografi dan imbuhan kata pinjaman bahasa Arab dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2, 23–54. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2>
- Benjamin, G. (1976a). Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula. Dlm. P.N. Jenner, L.C. Thompson & S. Starosta (Ed.), *Austroasiatic studies, Part I* (hlm. 37-128). Honolulu: University Press of Hawaii.
- Benjamin, G. (1976b). An outline of Temiar grammar. Dlm. P. N. Jenner, L.C. Thompson & S. Starosta (Ed.), *Austroasiatic studies, Part I* (hlm. 129-187). Honolulu: University Press of Hawaii.
- Benjamin, G. (1989). Achievements and gaps in Orang Asli research. *Akademika*, 35: 7-46.
- Benjamin, G. (2012). The Aslian languages of Malaysia and Thailand: An assessment. Dlm. S. McGill & P.K. Austin (Ed.), *Language documentation and description* (hlm. 136-230). London: SOAS.

- Benjamin, G. (2022). Aesthetic elements in Temiar grammar. Dlm. J.P. Williams (Ed.). *The aesthetics of grammar sound and meaning in the languages of Mainland Southeast Asia* (hlm 36-60). Cambridge: Cambridge University Press.
- Blust, R.A. (1997). Nasals and nasalization in Borneo. *Oceanic Linguistics*, 36: 149-179.
- Chong Shin. (2008). Sketsa varian Bidayuhik di hilir Sungai Kualan. Dlm. Chong Shin (Ed.). *Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat* (hlm. 42-60). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. (2012). *Masyarakat multilingual dan pemilihan bahasa: Minoritas Tionghoa di Kota Sekadau, Pulau Borneo*. Jakarta: Penerbit ATMAJAYA.
- Chong Shin. (2019). *Bahasa Ibanik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. (2021). Iban as a koine language in Sarawak. *Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia*, 22(1): 102-124.
- Collins, J.T. & Chong Shin. (2008). Tinjauan varian Bidayuhik di Lembah Sekadau. Dlm. Chong Shin (Ed.). *Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat* (hlm. 1-24). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dunn, M., Burenhult, N., Kruspe, N., Tufvesson, S., & Beckerb, N. (2011). Aslian linguistic prehistory: A case study in computational phylogenetics. *Diachronica*, 28(3): 291–323.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Nur Balqis Mohamad Yusof. (2023). Ganti Nama Mah Meri: Satu Analisis Sintaksis. *Akademika*, 93(1): 175-189.
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. 2007. *An Introduction to Language* (8th editions). Boston: Thomson Wadsworth.
- Hayes, B. 1989. Compensatory lengthening in Moraic phonology. *Linguistic Inquiry*, 20(2): 253-306.
- Jakoa. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>.
- Muhammad Zawawie Mohd Noor & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2022). Fenomena Pengglotisan dalam Bahasa Bugis di Malaysia. *Akademika*, 92(1): 113-126.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2015). Penyebaran dialek Patani di Perak: Analisis geolinguistik. https://www.researchgate.net/publication/286439821_PENYEBARAN_DIALEK_PATANI_DI_PERAK_ANALISIS_GEOLOGUINUISTIK_The_Dissemination_of_Pattani_Dialect_in_Perak_A_Geolinguistics_Analysis.
- Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2021). Perubahan fonologi dalam bahasa Duano dan bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, 32(2): 112-133.
- Paiz Hassani & Mohd Anuar Ramli. (2020). Isolasi sosio-budaya masyarakat Orang Asli di Malaysia dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1): 21-20.
- Phillips, T.C. (2013). Proto-Aslian: Towards an understanding of its historical linguistic systems, principles and process. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2014). Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Bahasa atau dialek Melayu? Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kearifan Tempatan (RCLK), Kucing, 12-13 Oktober, anjuran Universiti Sains Malaysia. https://eprints.um.edu.my/13488/1/bahasa_orang_asli_melayu.pdf
- Roseman, M. (2003). Malay and Orang Asli interactions: Views from legendary history. <http://www.sabrizain.org/malaya/library/malayorang.pdf>.
- Sakinah Nik Muhamad Naziman & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2018). Adaptasi konsonan dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam dialek Kelantan. *Jurnal Melayu*, 17(1): 31-48.

- Wan Robiah Hj. Meor Osman & Chong Shin. (2023). Kedinamikan bahasa Melayu di ambang perkembangan media dalam talian dari perspektif perubahan makna. *Akademika*, 93(1): 277-292.
- Zaharani Ahmad. 1991. *The phonology and morphology of Perak dialect*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zaharani Ahmad. 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 2004. Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: suatu huraian fonologi. *Jurnal Bahasa*, 4(4): 705-723.

Sa'adiah Ma'alip (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan,
Fakulti sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: adijaafar@yahoo.co.uk

Chong Shin
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: chongshin@ukm.edu.my